

WCT raih kontrak Kwasa Damansara RM127 juta

WCT Holdings Bhd (WCT), syarikat kejuruteraan awam dan pembinaan, memperolehi kontrak bernilai RM127 juta bagi projek kerja infrastruktur di perbandaran Kwasa Damansara daripada pemaju utama, Kwasa Land Sdn Bhd.

Pengarah Urusan Kwasa Land, Datuk Mohd Lotfy Mohd Noh, berkata projek itu dikenali sebagai Kontrak Pakej Kerja (WPC 1A) bagi membina serta menyiapkan kerja infrastruktur awam di perbandaran berkenaan di kawasan MX-1 dan Stesen MRT Kwasa Sentral.

"Tawaran ini merangkumi pembersihan dan penyediaan tapak, kerja tanah, jalan dan saluran, perabot jalan, retikulasi dan rawatan pem-

bandaran (STP-NSC), retikulasi air, kemudahan 'Park 'N' Ride', kerja infrastruktur elektrik, landskap kejur dan lembut (NSC).

"Melalui kontrak ini, WCT perlu mengagihkan 35 peratus daripada jumlah keseluruhan projek kepada subkontraktor Bumiputera," katanya dalam kenyataan, semalam.

Lotfy berkata, kerja infrastruktur utama akan disiapkan dalam masa 104 minggu selaras dengan pembangunan perbandaran utama MX-1.

20 kontraktor layak

Katanya, sebanyak 20 kontraktor layak ketika proses pembidaan untuk melakukan kerja kontrak bagi per-

bandaran berkenaan.

"Selepas ini, Kwasa Land Sdn Bhd akan membuka tender untuk Pakej 1B dan Pakej 1C pada November 2015," katanya.

WCT mempunyai rekod 34 tahun dalam bidang kejuruteraan dan pembinaan yang merangkumi litar lumba Formula 1 (F1), lapangan terbang, empangan dan skim bekalan air, lebuh raya, kerja awam dan bangunan.

Kwasa Damansara yang terletak di Kota Damansara dan Petaling Jaya adalah gabungan pembangunan hab moden untuk kediaman, komersial, rekreasi, institusi dan kemudahan pendidikan bagi menampung populasi yang disasarkan berjumlah 150,000 orang.